

Hayat feri ikonik 126 tahun tamat 2022

Oleh SYALMIZI HAMID

GEORGE TOWN – Perkhidmatan feri ikonik berusia 126 tahun yang menghubungkan tanah besar di Butterworth, Seberang Perai dan bandar raya ini di bahagian pulau akan diganti dengan pengangkut lebih moden pada Julai 2022.

Operasi feri ikonik tersebut diteruskan bagi tempoh interim iaitu bermula 1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2022 sebelum beralih sepenuhnya kepada perkhidmatan katamaran atau teksi air selepas itu.

Dalam tempoh interim berkenaan, perkhidmatan feri tersebut adalah terhad kepada pengguna pejalan kaki serta penunggang motosikal dan basikal.

Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP), Datuk Tan Teik Cheng berkata, kenderaan empat roda seperti kereta kali terakhir boleh menggunakan perkhidmatan feri adalah pada 31 Disember ini.

“Di samping feri (sedia ada), dua buah bot laju yang akan digunakan itu kelak mampu membawa 200 penumpang dengan kepentasan perjalanan antara 10 hingga 15 minit dengan kekerapan 40 kali sehari.”

“Sepanjang tempoh itu juga,



PERKHIDMATAN feri ikonik mengangkut kenderaan empat roda seperti kereta akan berakhir pada 31 Disember ini.

– AMIR IRSYAD OMAR

kedua-dua terminal di Pangkalan Raja Tun Uda (di sini) dan Pangkalan Sultan Abdul Halim, Butterworth akan diubah suai dan dinaik taraf bagi kesesuaian dengan perkhidmatan baharu,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Turut hadir ialah Ketua Pega-

wai Eksekutif Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB), V. Sasedharan dan Pengurus Besar SPPP, Monaliza Suhaimi.

Bermula 1 Januari tahun hadapan, pengurusan perkhidmatan itu juga akan diambil alih semula oleh SPPP daripada Prasarana Malaysia Berhad yang mengurus-

kan melalui anak syarikat Rapid Ferry Sdn. Bhd. (Rapid Ferry).

Sementara itu, Teik Cheng berkata, selepas tempoh interim tamat, perkhidmatan berkenaan akan digantikan sepenuhnya dengan katamaran atau teksi air serta pengangkut kenderaan yang dikhaskan kepada basikal,

motosikal dan kenderaan empat roda kecemasan sahaja.

“Penggantian kepada bot jenis katamaran ini mengambil kira penjimatan kerana mudah diselenggara berbanding feri sedia ada yang memerlukan kos alat ganti yang tinggi kerana perlu di-import dari Jerman dan Sweden,” katanya.

Ketika ini, perkhidmatan feri Pulau Pinang yang berusia 126 tahun menggunakan dua buah feri iaitu Feri Pulau Angsa dan Pulau Talang dengan kekerapan 18 hingga 20 perjalanan sehari.

Dalam pada itu, katanya, dua buah feri berkenaan akan diubah suai bagi dijadikan restoran terapung dan muzium feri di Tanjung City Marina di sini bagi mengekalkan identiti negeri ini selepas tidak lagi digunakan.

“Sehubungan itu, kita mengalaukan mana-mana pihak yang berminat untuk mengubah suai feri tersebut menjadi restoran dan muzium terapung supaya menghubungi SPPP,” katanya.

Pada 7 Disember lalu, Menteri Pengangkutan, Wee Ka Siong semasa penggulungan bajet kementeriannya menyatakan perkhidmatan feri bagi kenderaan bertayar empat akan dihentikan bermula 1 Januari 2021.